

## Amalan Guru Dalam Pengajaran Subjek Maharat Al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz

### (Teacher Practice in Teaching the Subject of Maharat Al-Quran Integrated Curriculum Tahfiz)

Sri Andayani binti Mahdi Yusuf  
*Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Nusantara, Banda Aceh, Indonesia*

Mohd. Aderi bin Che Noh  
*Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia*

Khadijah binti Abdul Razak  
*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

#### Abstrak

Kekurangan pengetahuan terhadap subjek yang diajar akan mengganggu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Kegagalan memahami isi kandungan pelajaran dapat menjelaskan kaedah PdP yang dirancang dan akan memberikan impak negatif kepada pendidikan itu sendiri. Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap amalan guru dalam pengajaran subjek Maharat al-Quran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Seramai 621 orang guru dijadikan responden dalam kajian ini. Kajian ini berbentuk tinjauan rentas silang (cross-sectional) yang melibatkan para guru dari sekolah menengah KBT di seluruh Malaysia. Manakala kaedah pensampelan kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata (stratified random sampling). Data telah dianalisis menggunakan perisian IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25.0 secara deksriptif untuk mengetahui nilai min, sisihan piawai dan peratusan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan guru dalam pengajaran subjek Maharat al-Quran KBT berada pada tahap tinggi. Kesimpulannya, kajian ini berjaya menonjolkan keunikan dapatan bahawa guru di sekolah menengah yang melaksanakan KBT mengamalkan dengan baik pengajaran hukum tajwid, adab al-Quran, tilawah, ilmu Qiraat, amali Qiraat dan Rasm Uthmani di dalam subjek Maharat al-Quran. Ilmu tajwid merupakan pengajaran utama yang ditekankan oleh guru untuk membolehkan murid mempelajari al-Quran. Implikasinya, Guru Tahfiz mempunyai peranan untuk mengajarkan kemahiran al-Quran kerana guru merupakan penggerak sesebuah kurikulum yang dibina.

Article Progress  
Received: 7 June 2021  
Revised: 21 June 2021  
Accepted: 5 July 2021

**Kata kunci:** Amalan Guru; Pengajaran; *Maharat*; Al-Quran; Kurikulum Bersepadu Tahfiz

#### Abstract

Lack of knowledge of the subjects taught will affect the smooth process of teaching and learning (PdP). Fail to understand the content of the lesson can affect the planned teaching and learning methods and will have negative impacts on the education itself. This study aims to measure the level of teacher practice in teaching the subject of Maharat al-Quran Integrated Curriculum Tahfiz (KBT). A total of 621 teachers were made respondents in this study. This study is in the form of a cross-sectional survey involving teachers from KBT secondary schools throughout Malaysia. While the sampling method of this study uses stratified random sampling method. Data were analyzed using IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 25.0 Descriptively to determine the mean value, standard deviation and percentage. The findings of the study show that the level of teacher practice in teaching the subject of Maharat al-Quran KBT is at a high level. In conclusion, this study successfully highlights the uniqueness of the findings that teachers in secondary schools who implement KBT practice well the teaching of tajwid law, manners of the Quran, recitation, knowledge of Qiraat, practice of Qiraat and Rasm Uthmani in the subject of Maharat al-Quran. The science of tajwid is the main teaching emphasized by the teacher to enable students to learn the Quran. The implication is that tahfiz teachers have a role to teach Quranic skills because teachers are the driving force behind a built curriculum.

**Keywords:** Teacher Practice; Teaching; *Maharat*; Al-Quran; Tahfiz Integrated Curriculum

## 1. PENGENALAN

Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) merupakan satu kurikulum standard di peringkat sekolah menengah yang dilaksanakan sebagai penerusan dan perkembangan daripada program tahfiz sedia ada di sekolah. KBT yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masa kini menggabungkan subjek pendidikan tahfiz KBT dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kurikulum tahfiz dalam KBT mengandungi dua mata pelajaran iaitu *Hifz al-Quran* (HQ) dan *Maharat al-Quran* (MQ). Pada tahun 2014, KBT telah dilaksanakan di dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan sebuah Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Seterusnya pada tahun 2015, kurikulum KBT dilaksanakan di 16 buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Shafie Ismail, 2017).

*Maharat al-Quran* yang diperkenalkan di sekolah menengah memberi pendedahan kepada murid untuk mempelajari kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid. *Maharat al-Quran* mempunyai enam sub bidang yang diajarkan iaitu Tilawah (bacaan) al-Quran, Adab al-Quran, Hukum Tajwid, Ilmu Qiraat (kaedah bacaan), Amali Qiraat (kaedah bacaan secara praktikal) dan Rasm Uthmani (kaedah tulisan) (KPM, 2016). Pada tingkatan 1, 2 dan 3 murid wajib mempelajari ilmu tajwid yang disediakan di dalam buku teks. Selain itu, murid juga perlu *bertalaqqi* dengan guru di samping menguasai hafalan 30 juzuk (KPM, 2017). Oleh demikian, amalan pengajaran guru yang berkesan memainkan peranan yang tersendiri. Hal ini kerana guru perlu menarik minat murid agar mereka terus kekal memelihara hafalan al-Quran. Menurut Mohamad Marzuqi (2018) hafalan membawa maksud proses memelihara ayat-ayat al-Quran di dalam hati tanpa mudah lupa.

Amalan pengajaran guru di sekolah menengah aliran tahfiz KBT telah diselaraskan mengikut kepada Dokumen Standard Kurikulum Prestasi (DSKP) dan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) daripada KPM (KPM, 2016). Oleh kerana guru yang mengajar dua subjek KBT ini disebut sebagai Guru Tahfiz bukan Guru Pendidikan Islam maka tanggung jawab Guru Tahfiz adalah sangat berbeza dengan Guru Pendidikan Islam. Guru pendidikan tahfiz memberi fokus kepada hafalan 30 juzuk al-Quran dengan mengambil kira kefasihan bacaan al-Quran, ketepatan ilmu tajwid, kekuatan ingatan serta mengajarkan ilmu adab dalam mempelajari al-Quran. Dengan mengajarkan subjek *Maharat al-Quran* (kemahiran al-Quran) secara terancang di dalam sesi pengajaran, murid dapat mendalami ilmu berkaitan *tilawah*, hukum *tajwid*, adab al-Quran, *ilmu Qiraat*, *amali Qiraat* dan *Rasm Uthmani*. Selain itu, Guru Tahfiz juga menerapkan elemen *Fiqh al-Ayat* dalam pengajaran *Hifz al-Quran*. Hal yang demikian berbeza dengan amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam kerana Guru Pendidikan Islam mengajarkan murid berkaitan penguasaan bidang Akhlak, Ibadah, Sirah, al-Hadis dan sebagainya. Begitu juga dari segi pelaksanaannya kedua-dua bidang ilmu ini adalah berbeza kerana KBT hanya dilaksanakan di sekolah-sekolah di bawah seliaan KPM yang telah mempunyai program tahfiz al-Quran.

## 2. ISU DALAM PENGAJARAN MAHARAT AL-QURAN KBT

Pendidikan merupakan fokus utama sesebuah negara. Manakala guru berperanan sebagai pencorak kepada kejayaan murid, salah satu caranya adalah melalui amalan pengajaran yang berkesan. Kajian lepas menunjukkan amalan pengajaran Guru Tahfiz al-Quran khususnya dalam penggunaan strategi dan kaedah pengajaran berada pada tahap rendah (Mardhiah, 2017). Dapatkan ini membuka ruang kepada pengkaji untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru terutamanya dalam subjek *Maharat al-Quran* yang diajarkan di sekolah menengah yang melaksanakan kurikulum KBT. Subjek *Maharat al-Quran* mempunyai objektif untuk membetulkan bacaan al-Quran, membetulkan tajwid atau sebutan huruf, pendedahan kepada amali qiraat dan bacaan al-Quran menggunakan *Rasm Uthmani* (Shafie Ismail, 2017). Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran guru pendidikan tahfiz mempunyai objektif menjaga kesucian al-Quran melalui kaedah hafazan setelah murid mampu membaca al-Quran dengan betul. Dengan memasukkan elemen pedagogi dalam pengajaran

Maharat al-Quran mampu menjadikan ilmu al-Quran lebih diminati oleh murid dan guru itu sendiri (Sri Andayani Mahdi Yusuf, 2019). Sekiranya perkara ini tidak dikaji, maka tiada gambaran keberkesanan amalan pengajaran guru dalam pelaksanaan KBT di sekolah menengah terpilih seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Justeru bagi memastikan data empirikal kualiti pendidikan tahlif tidak terjejas kajian ini perlu dijalankan.

Terdapat kajian lepas yang menunjukkan amalan pengajaran Guru Tahlif masih menggunakan kaedah tradisional (Azmil, 2010). Dapatan tersebut membuktikan bahawa amalan pengajaran Guru Tahlif sesuai dijalankan secara tradisional. Walau bagaimanapun, seharusnya guru perlu lebih bijak mengaplikasikan kemahiran terkini dan sesuai serta mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik (Ahmad, 2004). Seperti yang dinyatakan oleh Mohamad Marzuqi (2008) untuk mewujudkan pembelajaran yang lebih bermakna, penggunaan teknologi diyakini membantu dalam meningkatkan mutu hafalan al-Quran. Selain itu, kerja sama antara guru dapat mewujudkan kolaborasi dalam membincangkan kaedah pengajaran yang berkesan (Zetty Nurzuliana et al., 2017), sehingga dapat menjayakan program profesionalisme (Sparks, 2012). Ini bermakna, dalam mempelajari al-Quran guru tidak seharusnya mengamalkan pengajaran secara tidak kreatif. Justeru, perbincangan sesama guru diperlukan bagi mempelbagaikan kaedah pengajaran khususnya pendidikan al-Quran.

Kegagalan memahami isi kandungan pelajaran dapat menjelaskan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dirancang dan akan memberikan impak negatif kepada pendidikan itu sendiri. Menurut Chew (2006) kekurangan pengetahuan terhadap subjek yang diajar juga akan mengganggu kelancaran PdP. Sehubungan itu, keperluan kepada kefahaman guru dalam menjalankan proses PdP merupakan hal yang perlu diambil kira apatah lagi di sekolah menengah yang baru melaksanakan kurikulum bersepada tahlif (KBT). Di mana kurikulum KBT yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu diajarkan di dalam Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar guru di dalam kelas. Namun dalam pelaksanaannya penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan guru belum menyeluruh (Laporan Pantauan Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti, 2017). Maka perlu ada pemerkasaan pedagogi pengajaran yang melibatkan guru. Namun persoalannya, sejauh manakah pedagogi pengajaran atau amalan guru dalam pengajaran subjek *Maharat al-Quran* benar-benar berada di tahap kualiti yang memberangsangkan.

### 3. OBJEKTIF

Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

- 3.1 Mengenal pasti tahap amalan pengajaran Guru Tahlif sebelum sesi pengajaran subjek *Maharat al-Quran* KBT di sekolah.
- 3.2 Mengenal pasti tahap amalan pengajaran Guru Tahlif semasa sesi pengajaran subjek *Maharat al-Quran* KBT di sekolah.
- 3.3 Mengenal pasti tahap amalan pengajaran Guru Tahlif semasa sesi penutup pengajaran subjek *Maharat al-Quran* KBT di sekolah.

### 4. PERSOALAN KAJIAN

- 4.1 Apakah tahap amalan pengajaran Guru Tahlif sebelum sesi pengajaran subjek *Maharat al-Quran* KBT di sekolah?
- 4.2 Apakah tahap amalan pengajaran Guru Tahlif semasa sesi pengajaran subjek *Maharat al-Quran* KBT di sekolah?

- 4.3 Apakah tahap amalan pengajaran Guru Tahfiz semasa sesi penutup pengajaran subjek *Maharat al-Quran* KBT di sekolah?

## 5. METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah kuantitatif sesuai menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian (Robson, 1988). Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan instrumen soal selidik yang dibina sendiri hasil daripada ubah suai instrumen kajian sebelum ini. Setiap item di dalam instrumen kajian mempunyai lima pilihan jawapan dengan menggunakan kekerapan skala Likert lima mata iaitu 1 = Sangat Tidak Kerap (STK), 2 = Tidak Kerap (TK), 3 = Kurang Kerap (KK), 4 = Kerap (K) dan 5 = Sangat Kerap (SK). Menurut Cohan L et al., (2000) Skala Likert adalah sesuai digunakan bagi mengukur pandangan yang diberikan oleh responden tentang suatu amalan persepsi dan sikap di dalam ruang yang tertentu.

Kajian ini melibatkan 31 buah sekolah menengah yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di seluruh Malaysia. Responden yang terlibat terdiri daripada Guru-guru Tahfiz yang mengajar subjek *Maharat al-Quran*. Seramai 621 orang guru telah dipilih sebagai responden kajian ini bagi menjawab soal selidik yang disediakan. Kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah (*simple random sampling*) dengan teknik *proportionate* yang tidak mengikut nisbah (bilangan tidak sama di setiap strata). Teknik *proportionate* digunakan kerana jumlah guru pada setiap sekolah berbeza-beza mengikut zon dan bilangan dalam setiap jenis sekolah. Dengan cara ini penyelidik dapat mengawal bilangan sampel yang terlibat dalam setiap kumpulan adalah mencukupi.

### 5.1 Kesahan Dan Kebolehpercayaan

Sebelum instrumen diedarkan untuk kajian rintis, instrumen soal selidik telah melalui proses kesahan kandungan bersama 11 orang pakar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang masing-masing. Kepakaran yang dimaksudkan ialah kepakaran dalam bidang pendidikan tafsir, pendidikan Islam dan penyelidikan. Manakala indeks kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik, analisis data telah dilakukan untuk mendapatkan nilai *Alpha Cronbach*. Analisis mendapati soal selidik guru mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai *Alpha Cronbach* 0.937 bagi sesi permulaan pengajaran *Maharat al-Quran*, sesi perkembangan pengajaran *Maharat al-Quran* mendapati 0.961 dan sesi penutup pengajaran *Maharat al-Quran* 0.961. Dapatkan ini menunjukkan bahawa instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	0.90 – 1.00
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	0.00 – 0.30

Sumber: Brymen & Cramer (1999)

Proses penganalisisan data ini dilakukan melalui analisis dengan menggunakan perisian *IBM Statistical Package for Social Science* (SPSS) Versi 25.0. Analisis statistik deskriptif menggunakan nilai min, peratus, kekerapan dan sisihan piawai. Interpretasi nilai min disusun secara menurun dari min yang paling tinggi hingga kepada min yang paling rendah. Interpretasi min tingkah laku afektif

yang telah dirumuskan oleh Nunally (1978) dalam menghuraikan analisis deskriptif. Jadual 2 menunjukkan interpretasi nilai min bagi setiap konstruk adalah seperti berikut.

Jadual 2: Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif

Nilai Skor Min	Interpretasi Tahap Bahagian B dan C
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.01 – 2.00	Sangat Rendah

Sumber: Nunally (1978)

## 6. DAPATAN KAJIAN

### 6.1 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Subjek *Maharat Al-Quran*

Analisis data daripada soal selidik yang dijalankan adalah bagi mendapatkan analisis kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai (SP) dan interpretasi (Inter.) kaedah pengajaran dan pembelajaran Guru Tahfiz. Perbincangan mengenainya akan melalui tiga sesi pengajaran dan pembelajaran Guru Tahfiz di dalam kelas bagi subjek *Maharat al-Quran* iaitu; sesi sebelum PdP, semasa PdP dijalankan dan selepas PdP. Perincianya adalah seperti berikut:

### 6.2 Sesi Sebelum Pengajaran *Maharat Al-Quran*

Analisis data daptan daripada sesi sebelum PdP *Maharat al-Quran* ditunjukkan seperti dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Tahap Amalan Guru Tahfiz Semasa Permulaan Pengajaran *Maharat al-Quran*

No	Item	STK	TK	KK	K	SK	Min	SP	Inter.
1.	Saya memulakan pengajaran <i>Maharat al-Quran</i> dengan set induksi yang telah dirancang.	3 (0.5%)	7 (1.1%)	20 (3.2%)	297 (47.8%)	294 (47.3%)	4.40	0.657	Tinggi
2.	Saya memulakan pengajaran dengan bacaan doa khusus.	3 (0.5%)	2 (0.3%)	16 (2.6%)	251 (40.4%)	349 (56.2%)	4.52	0.616	Tinggi
3.	Saya memulakan pengajaran dengan menuliskan bismillah.	3 (0.5%)	10 (1.6%)	55 (8.9%)	309 (49.8%)	244 (39.3%)	4.26	0.724	Tinggi
4.	Saya memulakan sesi pengajaran setelah murid bersedia sepenuhnya.	3 (0.5%)	2 (0.3%)	20 (3.2%)	275 (44.3%)	321 (51.7%)	4.46	0.625	Tinggi
5.	Saya memulakan pengajaran dengan membuka buku teks.	8 (1.3%)	6 (1.0%)	67 (10.8%)	279 (44.9%)	261 (42.0%)	4.25	0.787	Tinggi
6.	Saya membincangkan tajuk yang diajar secara ringkas.	10 (1.6%)	10 (1.6%)	38 (6.1%)	285 (45.9%)	278 (44.8%)	4.31	0.791	Tinggi
7.	Saya mengaitkan isi pelajaran dengan pelajaran lalu.	41 (6.6%)	50 (8.1%)	119 (19.2%)	180 (29.0%)	231 (37.2%)	3.82	1.204	Sederhana Tinggi
8.	Saya mempelbagaikan kaedah dalam set induksi.	3 (0.5%)	9 (1.4%)	35 (5.6%)	267 (43.0%)	307 (49.4%)	4.39	0.705	Tinggi
9.	Saya memulakan sesi pengajaran dengan menggunakan ayat-ayat dari al-Quran atau hadis.	1 (0.2%)	3 (0.5%)	36 (5.8%)	309 (49.8%)	272 (43.8%)	4.37	0.630	Tinggi
10.	Saya memulakan sesi pengajaran dengan membincangkan isu-isu semasa.	9 (1.4%)	20 (3.2%)	99 (15.9%)	277 (44.6%)	216 (34.8%)	4.08	0.873	Tinggi

Interpretasi dapatan Jadul 3 di atas menunjukkan item-item dalam amalan pengajaran guru bagi subjek *Maharat al-Quran* berada pada tahap sederhana tinggi sehingga tinggi dengan julat min antara 3.82 hingga 4.52. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah “Memulakan pengajaran dengan bacaan doa khusus” iaitu (min = 4.52 dan sp = 0.616). Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 349 orang (56.2%) guru menyatakan sangat kerap, 251 orang (40.4%) guru menyatakan kerap, 16 orang (2.6%) guru menyatakan kurang kerap, 2 orang (0.3%) guru menyatakan tidak kerap dan 3 orang (0.5%) guru menyatakan sangat tidak kerap. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah “Mengaitkan isi pelajaran dengan pelajaran lalu” (min = 3.82 dan sp = 1.204) adalah berada pada tahap sederhana tinggi. Namun secara keseluruhannya menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru semasa permulaan pengajaran dalam *Maharat al-Quran* dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi (min = 4.29 dan sp = 0.468).

### 6.3 Sesi semasa pengajaran *Maharat al-Quran*

Berikutnya adalah analisis data dapatan daripada sesi semasa PdP *Maharat al-Quran* dijalankan ditunjukkan seperti dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Tahap Amalan Guru Tahfiz Semasa Perkembangan Pengajaran *Maharat al-Quran*

No	Item	STK	TK	KK	K	SK	Min	SP	Inter.
1.	Saya menyampaikan isi pengajaran dalam bentuk kuliah.	12 (1.9%)	39 (6.3%)	143 (23.0%)	263 (42.4%)	164 (26.4%)	3.85	0.948	Sederhana Tinggi
2.	Saya menggunakan ayat al-Quran sebagai hujah dalam penerangan isi pengajaran.	1 (0.2%)	4 (0.6%)	21 (3.4%)	325 (52.3%)	270 (43.5%)	4.38	0.602	Tinggi
3.	Saya menggunakan hadis sebagai hujah dalam penerangan isi pengajaran.	2 (0.3%)	5 (0.8%)	42 (6.8%)	317 (51.0%)	255 (41.1%)	4.32	0.663	Tinggi
4.	Saya menggunakan teknik penceritaan.	1 (0.2%)	4 (0.6%)	29 (4.7%)	349 (56.2%)	238 (38.4%)	4.32	0.608	Tinggi
5.	Saya mengaitkan ilmu dengan pengalaman yang dimiliki dalam pengajaran.	1 (0.2%)	5 (0.8%)	20 (3.2%)	294 (47.3%)	301 (48.5%)	4.43	0.615	Tinggi
6.	Saya mengaplikasikan teknik soal jawab dalam sesi PdP.	1 (0.2%)	2 (0.3%)	15 (2.4%)	279 (44.9%)	324 (52.2%)	4.49	0.581	Tinggi
7.	Saya meminta murid membuat kajian terhadap sesuatu isu berkaitan pengajaran.	2 (0.3%)	5 (0.8%)	51 (8.2%)	316 (50.9%)	247 (39.8%)	4.29	0.677	Tinggi
8.	Saya meminta murid membuat rumusan pelajaran dengan menggunakan peta minda.	3 (0.5%)	5 (0.8%)	50 (8.1%)	281 (45.2%)	282 (45.4%)	4.34	0.702	Tinggi
9.	Saya menggunakan artikel dalam surat khabar untuk dibincangkan dalam bilik darjah.	17 (2.7%)	45 (7.2%)	134 (21.6%)	269 (43.3%)	156 (25.1%)	3.81	0.984	Sederhana Tinggi
10.	Saya menjalankan aktiviti sumbang saran/ debat sesama murid dalam sesi PdP.	3 (0.5%)	21 (3.4%)	73 (11.8%)	301 (48.5%)	223 (35.9%)	4.16	0.794	Tinggi
11.	Saya menunjukkan cara bagi murid yang berbentuk praktikal/ amali.	1 (0.2%)	6 (1.0%)	38 (6.1%)	292 (47.0%)	284 (45.7%)	4.37	0.659	Tinggi
12.	Saya menggunakan internet bagi silibus pelajaran yang	40 (6.4%)	79 (12.7%)	157 (25.3%)	176 (28.3%)	169 (27.2%)	3.57	1.197	Sederhana

	bersesuaian.								
13.	Saya menganjurkan lawatan akademik.	10 (1.6%)	33 (5.3%)	83 (13.4%)	288 (46.4%)	207 (33.3%)	4.05	0.908	Tinggi
14.	Saya menjalankan sesi PdP di luar bilik darjah (contoh: surau, perpustakaan, kantin, makmal komputer, dll).	4 (0.6%)	7 (1.1%)	27 (4.3%)	291 (46.9%)	292 (47.0%)	4.38	0.685	Tinggi
15.	Saya memperincikan penyampaian pengajaran dengan merujuk kepada bahan rujukan lain di samping buku teks.	2 (0.3%)	3 (0.5%)	25 (4.0%)	302 (48.6%)	289 (46.5%)	4.41	0.624	Tinggi
16.	Saya menjalankan aktiviti perbincangan dalam kumpulan.	2 (0.3%)	4 (0.6%)	11 (1.8%)	307 (49.4%)	297 (47.8%)	4.44	0.599	Tinggi
17.	Saya menggunakan kertas mahjong.	5 (0.8%)	16 (2.6%)	54 (8.7%)	321 (51.7%)	225 (36.2%)	4.20	0.765	Tinggi
18.	Saya menggunakan LCD.	7 (1.1%)	16 (2.6%)	64 (10.3%)	300 (48.3%)	234 (37.7%)	4.19	0.806	Tinggi
19.	Saya menggunakan komputer.	7 (1.1%)	19 (3.1%)	68 (11.0%)	296 (47.7%)	231 (37.2%)	4.17	0.824	Tinggi
20.	Saya menggunakan laptop.	5 (0.8%)	14 (2.3%)	56 (9.0%)	307 (49.4%)	239 (38.5%)	4.23	0.767	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>					<b>4.22</b>	<b>0.487</b>	<b>Tinggi</b>		

Interpretasi Jadual 4 di atas menunjukkan kekerapan, peratusan dan min amalan Guru Tahfiz semasa PdP *Maharat al-Quran*. Item-item dalam amalan pengajaran guru bagi subjek *Maharat al-Quran* berada pada tahap sederhana tinggi sehingga tinggi dengan julat min antara 3.57 hingga 4.49. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah “Mengaplikasikan teknik soal jawab dalam sesi PdP” (min = 4.49 dan sp = 0.581) berada pada tahap sangat tinggi. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 324 orang (52.2%) guru menyatakan sangat kerap, 279 orang (44.9%) guru menyatakan kerap, 15 orang (2.4%) guru menyatakan kurang kerap, 2 orang (0.3%) guru menyatakan tidak kerap dan 1 orang (0.2%) guru menyatakan sangat tidak kerap. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah “Menggunakan internet bagi silibus pelajaran yang bersesuaian” (min = 3.57 dan sp = 1.197) berada pada tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru semasa mengajar *Maharat al-Quran* berada pada tahap tinggi (min = 4.22 dan sp = 0.487).

#### 6.4 SESI PENUTUP PENGAJARAN MAHARAT AL-QURAN

Selanjutnya adalah analisis data diperoleh daripada amalan Guru Tahfiz semasa sesi penutup PdP *Maharat al-Quran* dijalankan dipaparkan seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: Tahap Amalan Guru Tahfiz Sesi Penutup dalam Pengajaran *Maharat al-Quran*

No	Item	STK	TK	KK	K	SK	Min	SP	Inter.
1.	Saya membuka sesi soal jawab berkaitan isi pelajaran.	0 (0%)	4 (0.6%)	28 (4.5%)	323 (52.0%)	266 (42.8%)	4.37	0.602	Tinggi
2.	Saya membuka sesi pertanyaan berkaitan subjek yang diajar.	0 (0%)	1 (0.2%)	13 (2.1%)	275 (44.3%)	332 (53.5%)	4.51	0.549	Tinggi
3.	Saya merekod kelemahan setiap murid untuk tindakan susulan.	31 (5.0%)	44 (7.1%)	130 (20.9%)	212 (34.1%)	204 (32.9%)	3.83	1.115	Sederhana Tinggi
4.	Saya membuat kesimpulan pengajaran.	5 (0.8%)	4 (0.6%)	21 (3.4%)	296 (47.7%)	295 (47.5%)	4.40	0.667	Tinggi
5.	Saya memberikan latihan di kelas.	2 (0.3%)	0 (0%)	17 (2.7%)	285 (45.9%)	317 (51.0%)	4.47	0.586	Tinggi

6. Saya membuat refleksi selepas pengajaran.	2 (0.3%)	1 (0.2%)	23 (3.7%)	269 (43.3%)	326 (52.5%)	4.48	0.610	Tinggi
7. Saya meminta murid mengamalkan ilmu yang dipelajari.	2 (0.3%)	0 (0%)	12 (1.9%)	241 (38.8%)	366 (58.9%)	4.56	0.569	Tinggi
8. Saya memilih murid cemerlang sebagai guru muda kepada murid yang lemah.	6 (1.0%)	4 (0.6%)	35 (5.6%)	266 (42.8%)	310 (49.9%)	4.40	0.713	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>						<b>4.38</b>	<b>0.485</b>	<b>Tinggi</b>

Interpretasi data daptan daripada Jadual 5 menunjukkan kekerapan, peratusan dan min semasa sesi penutup PdP *Maharat al-Quran*. Item-item dalam amalan pengajaran guru bagi subjek *Maharat al-Quran* berada pada tahap sederhana tinggi sehingga tinggi dengan julat min antara 3.83 hingga 4.56. Item yang mempunyai min yang paling tinggi ialah “Meminta murid mengamalkan ilmu yang dipelajari” (min = 4.56 dan sp = 0.569) berada pada tahap tinggi. Dari segi kekerapan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 366 orang (58.9%) guru menyatakan sangat kerap, 241 orang (38.8%) guru menyatakan kerap, 12 orang (1.9%) guru menyatakan kurang kerap dan 2 orang (0.3%) guru menyatakan sangat tidak kerap. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah “Merekod kelemahan setiap murid untuk tindakan susulan” (min = 3.83 dan sp = 1.115) berada pada tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru sesi penutup pengajaran *Maharat al-Quran* berada pada tahap tinggi (min = 4.38 dan sp = 0.485).

Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa amalan guru dalam pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz subjek *Maharat al-Quran* di sekolah TMUA dan SABK berada pada tahap tinggi (min = 4.27 dan sp = 0.445).

Jadual 6: Interpretasi Amalan Pengajaran *Maharat al-Quran* dalam Kalangan Guru Tahfiz

No	Konstruk <i>Maharat al-Quran</i>	Min	SP	Interpretasi
-	Permulaan pengajaran	4.29	0.468	Tinggi
-	Pertengahan pengajaran	4.22	0.487	Tinggi
-	Penutup pengajaran	4.38	0.485	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.27</b>	<b>0.445</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 6 menunjukkan bahawa amalan guru dalam pengajaran kurikulum bersepadu tahfiz di sekolah TMUA dan SABK bagi subjek *Maharat al-Quran* yang paling dominan ialah amalan pengajaran guru semasa sesi penutup (min = 4.38 dan sp = 0.485) diikuti oleh amalan pengajaran sesi permulaan (min = 4.29 dan sp = 0.468), dan yang terakhir adalah amalan pengajaran guru sesi pertengahan (min = 4.22 dan sp = 0.487) berada pada tahap tinggi.

## 7. PERBINCANGAN KAJIAN

Majoriti para guru mempunyai usaha untuk mempelbagaikan set induksi bagi subjek *Maharat al-Quran* seperti yang telah dirancang untuk menarik perhatian murid. Set induksi yang kerap guru amalkan dalam pengajaran *Maharat al-Quran* ialah membaca doa khusus, membuka buku teks, membincangkan tajuk yang diajar secara ringkas, menggunakan ayat-ayat al-Quran dan memulakan pengajaran dengan membincangkan isu-isu semasa. Walau bagaimanapun, kajian mendapati guru kurang kerap mengaitkan isi pelajaran dengan pelajaran lalu. Sepatutnya, guru lebih kerap menggunakan kaedah ini kerana subjek *Maharat al-Quran* ialah ilmu yang mempelajari berkaitan dengan kemahiran membaca al-Quran yang telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW hidup. Menurut Kamarul Azmi (2010) dan Misnan (2008) menyatakan set induksi yang menarik, kreatif, inovatif, dan mengimbaskan semula pelajaran lepas adalah penting bagi

memberi keseronokan dan membantu pelajar menumpukan perhatian yang berterusan di dalam kelas. Perkaitan tajuk yang akan dipelajari ini perlu dikaitkan dengan ayat al-Quran untuk mendidik murid merasai kewujudan penciptaNya (Mohd Zaidi, 2012).

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mendapati Guru Tahfiz dalam pengajaran *Maharat al-Quran* menggunakan set induksi yang baik. Kekerapan guru menggunakan set induksi dalam pengajaran juga selari dengan kajian (Siti Suhaila, 2016). Namun begitu, dapatan ini tidak selari dengan dapatan kajian Misnan (2008) mendapati bahawa pengajaran set induksi guru dalam subjek Tilawah al-Quran berada pada tahap sederhana. Seharusnya dalam perkembangan zaman moden, bahan bantu dalam pengajaran turut digunakan bagi menarik keterujaan murid mempelajari al-Quran. Ahmad (2008) menyatakan guru berkesan adalah guru yang sentiasa bersedia membuat perancangan dan memilih strategi pengajaran yang sesuai untuk mencapai objektif pengajaran.

Semasa proses pengajaran *Maharat al-Quran* dijalankan dalam kelas, kajian ini mendapati guru kerap menggunakan ayat al-Quran dan hadis sebagai hujah dalam penerangan isi pengajaran. Seterusnya guru juga kerap menggunakan teknik soal jawab, aktiviti sumbang saran, perbincangan dalam kumpulan, menggunakan buku teks dan bahan sumber rujukan lain, menggunakan kertas mahjong, LCD, komputer dan laptop dalam sesi pengajaran mengikut kesesuaian. Dapatan ini selari dengan dapatan Noornajihan (2014) bahawa kaedah soal jawab merupakan kaedah yang paling utama digunakan dalam amalan pengajaran Guru Pendidikan Islam. Manakala penyampaian isi pengajaran dalam bentuk kuliah jarang dilakukan. Dapatan ini menunjukkan guru menjalankan aktiviti berpusatkan murid, di mana guru hanya menjadi fasilitator sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.

Keseluruhan kajian menunjukkan, amalan pengajaran *Maharat al-Quran* dalam kalangan guru berada pada tahap tinggi, walaupun masih terdapat sebilangan guru yang kurang melaksanakan amalan pengajaran yang dirasakan sesuai bagi mata pelajaran *Maharat al-Quran*. Hal ini dapat dibuktikan daripada jumlah keseluruhan responden daripada 621 orang, hanya 169 orang guru sangat kerap dan 176 orang guru kerap untuk melaksanakan amalan pengajaran *Maharat al-Quran* pengajaran. Namun masih terdapat 157 orang guru kurang kerap, 79 guru tidak kerap dan 40 orang guru sangat tidak kerap menggunakan internet bagi silibus pelajaran *Maharat al-Quran* yang bersesuaian. Kemahiran guru dalam menggunakan komputer antara kemahiran yang melambangkan kecemerlangan guru cemerlang GPI (Kamarul Azmi, 2010). Dengan kemahiran mengaplikasikan internet mampu memudahkan guru untuk dapat mengakses maklumat dengan lebih mudah dan tidak terbatas (Md. Yusoff et al., 2006). Disimpulkan bahawa amalan pengajaran Guru Tahfiz khususnya subjek *Maharat al-Quran* boleh menjadikan guru dan murid seronok menjaga dan memelihara al-Quran, menjadikan al-Quran lebih bermakna dan menguatkan semangat mereka untuk menghafaz al-Quran (*Hamlatul Quran*).

## 8. IMPLIKASI

Dalam konteks pengajaran subjek *Maharat al-Quran*, Guru Tahfiz merupakan orang yang mempunyai pengalaman sendiri dalam menghafal al-Quran serta mempunyai pengetahuan berkaitan al-Quran. Aspek kemahiran yang diperlukan oleh guru yang mengajar *Maharat al-Quran* adalah seperti; (i) menguasai tilawah, (ii) mengetahui hukum ilmu tajwid, (iii) *Adab al-Quran*, (iv) *Ilmu Qiraat* (bentuk-bentuk kaedah bacaan), (v) *Amali Qiraat* dan (vi) *Rasm Uthmani*. Kebolehan tilawah menjadikan seorang guru lebih berkeyakinan di depan pelajar semasa membacakan ayat al-Quran yang diajarkan. Adab yang mulia di dalam memperlakukan al-Quran dapat membawa rahmat dan syafaat di hari kiamat kelak (Abu Najihat, 2002). Hal ini menunjukkan, pengetahuan dan kemahiran guru merupakan keunggulan dan kewibawaannya sebagai seorang pendidik yang diminati oleh pelajar. Sehubungan dengan itu, dapatan juga mendapati bahawa *Maharat al-Quran* adalah perlu dan wajib dipelajari seiring dengan subjek *Hifz al-Quran* oleh pelajar tahfiz bagi

memudahkan mereka menguasai ilmu al-Quran seperti ilmu berkaitan dengan tajwid, tilawah, qiraat dan sebagainya.

## 9. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa majoriti guru memberikan usaha yang maksima untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid. Seperti aspek pengetahuan kepada isi kandungan *Maharat al-Quran* menjadikan guru seronok mengajari murid mendalami ilmu berkaitan al-Quran. Ini bermakna bahawa aspek pengetahuan memberikan sumbangan yang tersendiri di dalam menjayakan amalan pengajaran guru. Pengetahuan dari segi isi kandungan merupakan pengetahuan terhadap isi kandungan subjek *Maharat al-Quran*. Manakala kemahiran pedagogi merupakan mempelbagaikan kemahiran yang sesuai digunakan untuk menyampaikan ilmu dalam subjek yang diajarkan kepada murid.

Profesionalisme Guru Tahfiz merupakan satu profesi mulia berdasarkan ilmu al-Quran yang dapat disampaikan melalui hubungan dua hala antara guru dan murid. Proses pengajaran dan pembelajaran dua hala menjadikan setiap sesi pengajaran bermakna (*meaning full*). Melalui sesi pengajaran terancang seperti yang telah dinyatakan pada sesi set induksi, sesi perkembangan pengajaran dan sesi penutup pengajaran Guru Tahfiz menjadikan proses penyampaian ilmu dapat dilakukan dengan berkesan. Oleh itu, hasrat kementerian untuk mengarusperdanakan kurikulum bersepada tahfiz di sekolah terpilih membuka peluang yang besar kepada generasi al-Quran untuk menjadi ahli teknokrat, doktor, jurutera yang bukan hanya menguasai bidang tersebut namun juga memenuhi dada mereka dengan al-Quran.

## 10. PENGHARGAAN

Kami merakamkan ucapan terima kasih kepada semua responden kajian dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menjayakan kajian ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Mohd Salleh. (2004). *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Edisi Semakan. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Mohd Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam dan j-Qaf: Metodologi dan pedagogi pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Azmil Hashim. (2010). Penilaian pelaksanaan kurikulum tahfiz al-Quran di Darul Quran Jakim dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri. *Tesis Doktor Falsafah*: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Chew Fong Peng. (2006). Pendidikan kesusasteraan Melayu di Malaysia dan permasalahannya. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 29(1), 143-157.
- Cohen, L, Manion, L & Morrison, K. (2000). *Research methods in education*. London: Routledge Falmer.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes. *Tesis Doktor Falsafah*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 tahun 2016, Berkaitan Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab di Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Maklumat Pemilihan Paket Mata Pelajaran Menengah Atas Kurikulum Bersepadu Tahfiz Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz.

Laporan Pantauan Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti. (2017). Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mardhiah Yahaya. (2017). Pelaksanaan Modul Pengajaran Tahfiz (Modul Quranik) di MRSM Ulul Albab. *Seminar Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran*. Selangor: Darul Quran.

Md. Yusoff Daud, Mazalah Ahmad & Maimun Aqsha Lubis. (2006). Penggunaan Internet dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. dlm. Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Aliza Alias, Saemah Rahman, Zamri Mahamod, Mazalah Ahmad, Siti Fatimah Mohd. Yassin, Maimun Aqsha Lubis, Faridah Mydin Kytti, Abdul Salam Sulaiman (Pnyt.). *Wacana Pendidikan Islam (Siri 5) Pendidikan Islam & Bahasa Arab Pemangkin Pembangunan Ummah*: 129-136. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Misnan Jemali. (2008). Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Sekolah-Sekolah Menengah. *Tesis Doktor Falsafah*: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

Mohamad Marzuqi Abd Rahim. (2008). Pengajaran Mata pelajaran Hafazan Al-Quran: Suatu Kajian Maahad Tahfiz al-Quran Zon Tengah. Tidak diterbitkan *Kertas Projek Sarjana*: Universiti Pendidikan Sultan Idris, Behrang, Malaysia.

Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2018). *Penilaian dan Pengujian Huffaz: Satu Keperluan Ke Arah Pengiktirafan Huffaz Malaysia*. Kuala Lumpur: Center of Quranic Research Universiti Malaya.

Mohd Zaidi Ismail. (2012). Alam semesta sebagai ayat Allah: Panduan Ilmiah untuk para saintis Muslim. Dlm. Azrina Sobrina (Pnyt). *Membina Kekuatan Sains di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Noornajihan Jaafar. (2014). Pengaruh Efikasi Guru, Faktor Persekutaran Guru Pendidikan Islam. Tidak diterbitkan *Tesis Doktor Falsafah*: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

Nunally, J. C. (1978). *Psycometric theory*. New York: Mc Graw Hill Book Company.

Robson, Collin. (1998). *Read world research*. UK: Blackwell Publisher Ltd.

Shafie Ismail. (2017). Latar belakang Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia. *Temu bual Jun 2017*. Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Siti Suhaila Ihwani. 2016. Kesediaan Amalan Guru Pendidikan Islam dalam Pengajaran Elemen Pendidikan Seks. *Tesis Doktor Falsafah*: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

Sparks, D. (2012). *Designing powerful professional development for teachers and principals.* Oxford, OH: National Staff Development Council.

Sri Andayani Mahdi Yusuf. 2019. Kesediaan Dan Amalan Guru Dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Sekolah Menengah Di Malaysia. *Tesis Doktor Falsafah:* Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

Zetty Nurzuliana Rashed, Siti Rashidah Abd. Razak, Norshilawani Shahidan, Ahmad Shafiq Mat Razali, Zanaton H. Iksan & Sri Andayani Mahdi Yusuf. (2017). *Pengintegrasian Ilmu Naqli dan Aqli Melalui Pendekatan “Lesson Study” Kajian di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor.* Selangor: D/A Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) KUIS.

Sri Andayani binti Mahdi Yusuf (Corresponding authors)  
Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) Nusantara,  
23114, Banda Aceh, Indonesia.  
Email: seridayani86@gmail.com

Mohd. Aderi bin Che Noh  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai,  
Negeri Sembilan, Malaysia.  
Email: aderi7472@gmail.com

Khadijah binti Abdul Razak  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi,  
Selangor, Malaysia  
Email: khadijah.razak@ukm.edu.my